

Pelajar KUTKM sertai bakti siswa

Archival News | Utusan Malaysia | 02/07/2006

KOTA TINGGI 1 Julai - Seramai 80 pelajar Kolej Univer siti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) berkampung selama lima hari di tiga buah kampung iaitu di Kampung Baru Sungai Telor, Kampung Sungai Telor dan Kampung Sri Jaya, di sini bagi menyertai program Bakti Siswa.

Program Bakti Siswa siri ke tiga itu dianjurkan bersama oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) KUTKM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUTKM serta Pusat Khidmat Wakil Rakyat Ahli Parlimen Tenggara.

Rektor KUTKM, Datuk Profesor Ismail Hassan berkata, program Bakti Siswa itu adalah lanjutan daripada program serupa yang telah diadakan di Kuala Pilah, Negeri Sembilan dan Jeli di Kelantan sebelum ini.

Menurut beliau, melalui program itu ia dapat memberi ruang kepada pelajar berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat dan berpeluang mencurahkan bakti kepada masyarakat.

'Melalui program ini mereka akan dapat dibentuk untuk menjadi golongan mahasiswa yang lebih dinamik dan kompeten," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian dan penyerahan anak angkat Bakti Siswa siri ketiga yang disempurnakan oleh Setiausaha Parlimen, Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba di sini baru-baru ini.

Hadir sama Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni KUTKM, Datuk Prof. Mohd Nor Husain dan Yang Dipertua MPP, Raja Nor Azrin Raja Yunus.

Sementara itu, Raja Nor Azrin berkata, seramai 24 keluarga telah dipilih untuk menjadi keluarga angkat kepada pelajar-pelajar tersebut.

Tambah beliau, pelbagai aktiviti telah disusun sebagai pengisian kepada program itu antaranya ialah kuliah ilmu, ceramah motivasi, sesi perbincangan dan dialog, asimilasi kumpulan dan kegiatan luar.

Katanya, peserta juga dibawa melawat sekitar kampung bagi menyelami kehidupan masyarakat kampung yang terkenal dengan udang galahnya dan lawatan ke pusat rawatan dan loji air Syarikat Air Johor (SAJ).

(Source : Utusan Malaysia)